



Little India banjir

Peniaga resah jika masalah berlarutan jejas aktiviti niaga

JALANTENGKUKELANA

- Hampir seluruh kawasan perniagaan Little India dinaiki air dalam kejadian hujan lebat, lewat petang semalam.

Hujan lebat sekitar jam 4 petang itu melanda kawasan berkenaan sehingga mengakibatkan air mula melimpahi sistem saliran dan keadaan bertambah teruk, apabila kurang dua jam setelah itu, air memenuhi laluan depan deretan kedai.

Peniaga mendakwa banjir kilat itu disyaki berpunca daripada masalah sistem saliran di kawasan itu serta masalah sampah.

Peniaga kain, M Veeraman, 48, berkata, perkara itu sudah banyak kali dibawa ke pengetahuan pihak berkuasa.

"Malah wakil rakyat kawasan ini pun sudah banyak kali membangkitkan isu ini... dan hari ni (semalam) kejadian yang kita bimbang benar-benar terjadi," katanya yang risau kerana jika keadaan tersebut berlarutan ia akan merencatkan aktiviti perniagaan kawasan tersebut.

Sebelum ini pada sambutan Deepavali peringkat negeri Selangor, Sabtu lalu, Adun Kota Alam Shah, V. Ganibattirau menyuarakan perkara ber-

kenaan di hadapan Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diminta menyelesaikan masalah sistem saliran di kawasan Jalan Tengku Kelana.

"Masalah ini sudah lama berlarutan. Saya harap ia diberi perhatian demi kebaikan semua pihak khususnya peniaga di sini.

"Jangan sampai ada banjir berlaku baru pihak berkuasa bertindak," demikian ucapannya dalam program berkenaan.